

Lengkapkan ayat berikut dengan mengisi tempat kosong berdasarkan maklumat yang terdapat dalam informasi pengguna Perpustakaan Negara.



Hadif dan rakan-rakannya telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Negara. Mereka membaca informasi pengguna yang terpapar di bahagian pintu utama perpustakaan. Terdapat empat zon yang telah disediakan di perpustakaan tersebut iaitu Zon Kanak-kanak, Zon Interaktif, Zon Pembaca dan .

Terdapat tiga zon yang menyediakan kemudahan iaitu Zon Kanak-kanak, Zon Interaktif dan Zon Pembaca manakala Zon Kerja pula menyediakan komputer riba dan empat . Mereka merujuk pada informasi pengguna tersebut untuk memilih zon yang mereka gemari. Hadif dan Rajif ingin pergi ke Zon Kanak-kanak kerana di sana mereka dapat membaca dan mereka boleh melayari laman web kanak-kanak. Selain itu, zon itu juga mampu membantu murid dalam meningkatkan ilmu pengetahuan melalui pemerolehan maklumat berita dan bahan pembelajaran seperti nota dan latihan dengan mengakses .

Jimi merupakan seorang yang suka mempelajari tentang isu semasa dan gemar menambah pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti bidang sukan, kerjaya, ekonomi, dan Sains dan teknologi melalui pembacaan dan majalah. Oleh itu, dia memilih Zon Interaktif kerana di sana mempunyai bahan bacaan yang dia ingini. Ji Wen pula hendak pergi ke kerana di zon tersebut menyediakan pelbagai kategori buku digital dan dilengkapi beberapa buah tablet.